



Budaya 'memberi dan merasa' semarak di UK

Dari Nottingham, England
suria3979@gmail.com

SAYA ingin berkongsi pengalaman yang masih belum diamalkan rakyat Malaysia, tetapi menjadi budaya di United Kingdom. Jika sebelum ini saya menulis mengenai jualan but kereta yang menjual pelbagai barang terpakai dengan harga lebih murah berbanding di kedai, kali ini kita meneroka satu lagi keunikan masyarakat di sini yang mungkin boleh dicontohi dengan acuan tempatan.

Berpindah ke rumah baru pastinya menuntut banyak perbelanjaan. Di Malaysia, mahu tidak mahu kita terpaksa membeli serba sedikit peralatan baru untuk melengkapkan rumah. Namun di UK, keadaannya berbeza. Saya akan berkongsi pengalaman bagaimana masyarakat di Nottingham khususnya, tanpa sebarang pertalian persaudaraan membantu satu sama lain hanya dengan kemudahan internet.

RealCycle Nottingham dan FreeCycle Nottingham adalah dua kumpulan atau 'group' paling popular yang dibina secara maya untuk membantu sesama ahli komuniti. FreeCycle Nottingham misalnya, dengan 5,738 ahli di seluruh Nottingham memberi peluang kepada semua ahlinya membantu orang lain mendapatkan barang yang tidak lagi kita perlukan. Polisinya ialah semua barang yang ditawarkan tidak boleh dijual.

Ia perlulah seratus peratus percuma, dan individu yang ditawarkan perlulah mengambil barang yang dijanjikan di rumah individu yang menawarkan.

Dengan hanya mendaftar ke dalam kumpulan ini melalui internet, kita boleh menghantar mesej kepada semua ahli kumpulan melalui e-mel sama ada dengan menawarkan barangan terpakai yang masih elok untuk digunakan orang lain, atau memohon jika ada barangan yang kita perlukan tetapi tidak diperlukan ahli kumpulan.

Misalnya, tajuk e-mel yang diformatkan ialah "Offer: Various Books (Basford)". Tajuk e-mel ini menunjukkan bahawa barangan yang ingin ditawarkan kepada semua ahli kumpulan ialah pelbagai jenis buku dan buku itu bolehlah diambil dari Basford. Sebaliknya, jika kita memerlukan sesuatu barangan, e-mel boleh dihantar pula dalam bentuk berikut "Wanted: Children Books (Radford)". Ini menunjukkan kita memerlukan buku kanak-kanak dan yang memohon buku ini berada di Radford.

Senario ini bukan saja wujud di Nottingham, tetapi di seluruh United Kingdom. Kemudahan ini amat membantu ramai komuniti di sini, dan keperluan yang diminta adalah tidak terhad. Beberapa hari sebelum ini, ada e-mel yang memohon mendapatkan sebuah kereta kerana kereta pemohon sudah rosak dan kenderaan ini amat diperlukan untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Memang agak lawak bunyinya, tetapi jika kena gaya bahasanya, serta memang ada rezeki ketika itu, memang kita akan dapat apa yang diminta! Itu yang saya katakan tadi, berpindah ke rumah sewa baru tidaklah membebankan di UK ini. Saya sendiri yang baru berpindah ke rumah sewa baru misalnya menawarkan beberapa kotak buku, dan pada masa sama bertanyakan jika ada sesiapa yang mempunyai lebihan kerusi makan untuk diberi. Konsep memberi di sini sebenarnya tidak memerlukan sebarang balasan, tetapi pada pendapat saya jika kita gembira mendapat apa yang kita minta, mengapa tidak berikan sesuatu juga kepada ahli kumpulan pada masa itu? Idea ini sesungguhnya bersifat peribadi, dan tidaklah menjadi polisi kumpulan ini.

Kelmarin, saya diberikan enam kerusi ma-

kan yang masih elok, dan koleksi buku saya juga diambil dua orang tempatan untuk kegunaan sendiri dan seorang warga asing untuk keperluan perpustakaan tempat dia bekerja.

Perasaan yang indah menyelubungi setiap kali melihat ada orang yang mendapat kemudahan daripada sesuatu yang tidak lagi kita perlukan. Pastinya juga kita gembira menerima sesuatu yang memang ingin digunakan tanpa perlu membeli!

Selain membantu sesama sendiri, kumpulan ini juga mengeratkan hubungan komuniti di sini. Misalnya, seorang guru warga tempatan yang pernah memberikan dua komputer riba kepada saya kini semakin mesra selepas saya memberikan duvet (selimut tebal) serta dua set cadar kepada anak lelaki yang berusia awal belasan tahun. Katanya, apabila rumah saya sudah siap dikemas kelak dia berhajat untuk minum petang di rumah saya. Begitulah indahnya hubungan yang terjalin!

Kewujudan jaringan ini memang dirasakan memberi banyak kemudahan kepada kebanyakan pelajar Malaysia yang menuntut di UK. Ramai dilihat pelajar kita turut memberi dan menerima, sama-sama menggunakan jaringan ini untuk membantu dan dibantu. Namun, pada masa sama kewujudan jaringan ini membuatkan saya terfikir tidakkah penawar barangan itu mempunyai ahli keluarga atau sanak saudara yang mungkin memerlukan barangan yang ditawarkannya?

Berbual dengan beberapa ahli kumpulan ketika mengambil barangan yang ditawarkan atau dikunjungi individu yang mengambil barangan yang saya tawarkan, bolehlah disimpulkan secara umumnya kebanyakan daripada masyarakat di sini tidak begitu mempunyai hubungan keluarga yang rapat sesama mereka. Kerana itu, kewujudan FreeCycle atau RealCycle ini dilihat sebagai amat perlu kepada mereka, bukan hanya setakat dapat 'mengeluarkan' barangan yang tidak perlu di rumah, tetapi dapat membantu orang lain tanpa sebarang ikatan atau balasan.

Mungkin juga institusi kekeluargaan mereka yang tidak seutuh di Malaysia memberi idea untuk kumpulan ini diwujudkan, namun tidak dinafikan kewujudannya memberi kebaikan kepada banyak pihak tanpa mengira bangsa di sini. Di Malaysia, kumpulan seperti ini mungkin boleh diwujudkan pada peringkat organisasi terlebih dulu, kemudian mungkin boleh dikembangkan ke peringkat lebih luas dengan asesibiliti internet yang lebih baik pada masa akan datang. Jalinan seumpama ini bukan saja boleh mengelak daripada membazir kerana sesuatu barangan yang tidak lagi berguna bagi kita mungkin amat berharga dan diperlukan oleh orang lain. Bagi saya paling bermakna ialah kita dapat menjalin hubungan rapat dengan jiran tetangga lebih-lebih bagi kami yang berada di negara orang. Mungkin barang yang diberi tak seberapa tetapi harga sebuah ikatan yang terjalin tak ternilai harganya.

Mungkin juga FreeCycle acuan Malaysia berbentuk 'keluarga' dan hanya ditawarkan jika tiada lagi sanak-saudara memerlukannya. Walau apa sekalipun bentuk jaringannya nanti di Malaysia, jika tangan yang memberi lebih baik daripada yang menerima, mengapa tidak kita cuba menjadi tangan yang memberi?

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) kini melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Nottingham Trent University, United Kingdom.